

Dr M rasmi Lapangan Terbang Miri

BH 22/7/03

MIRI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan terminal baru Lapangan Terbang Miri bernilai RM210 juta di sini, Jumaat ini.

Perasmian itu dibuat sempena lawatan kedua Perdana Menteri ke Sarawak tahun ini selepas merasmikan Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) Petronas bernilai RM16.6 bilion di Bintulu, Mei lalu.

Terminal baru Lapangan Terbang Miri itu yang mampu menampung pendaratan pesawat besar seperti pesawat Airbus 330 dan Boeing 747 dan siap sepenuhnya Julai lalu, iaitu 17 bulan lebih awal daripada yang ditetapkan.

Pengerusi Ekran Berhad, Tan Sri Ting Pek King, berkata terminal baru itu menyediakan kemudahan bertaraf antarabangsa kepada pelanggannya dan mempunyai landasan baru sepanjang 2,745 meter.

Beliau berkata, dengan adanya lapangan terbang itu ia berupaya meningkatkan lagi industri pelancongan di kawasan utara Sarawak.

"Ini kerana pesawat besar dari luar negara sudah boleh melakukan penerbangan terus ke Miri dan melawat pelbagai destinasi menarik di bahagian utara Sarawak antaranya Taman Negara Mulu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Lapangan Terbang Miri, Simon Wong, berkata operasi di lapangan terbang itu berjalan dengan lancar sejak ia mula digunakan awal bulan ini.

Beliau berkata, terminal baru berukuran 16,000 meter persegi itu turut menempatkan kawasan membeli-belah, restoran dan pusat istirahat bertaraf antarabangsa.

"Terminal baru ini juga mampu menampung kira-kira 800 hingga 1,200 pengguna dalam satu-satu masa," katanya.